



# *Majlis Pelancaran*

**Buku & Syiling Kenang-Kenangan  
Sempena Ulang Tahun  
UiTM ke-50**

*Disempurnakan oleh:*

**Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong XII  
Tuanku Syed Sirajuddin Ibni Al-Marhum  
Tuanku Syed Putra Jamalullail**

9 November 2006 bersamaan  
17 Syawal 1427H  
Hotel UiTM, Shah Alam

# *Majlis Pelancaran*

Buku & Syiling Kenang-Kenangan  
Sempena Ulang Tahun  
UiTM ke-50



Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong XII  
Tuanku Syed Sirajuddin  
Ibni Al-Marhum Tuanku Syed Putra Jamalullail



Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong  
Tuanku Fauziah  
Binti Al-Marhum Tengku Abdul Rashid





## *Setitis Tinta*

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Selamat Sejahtera.

Alhamdulillah, saya bersyukur ke hadrat Ilahi kita semua dapat berkumpul di Majlis Pelancaran Buku dan Syiling Emas Kenang-Kenangan sempena ulang tahun UiTM ke-50.

50 tahun bertalu menandakan kedewasaan universiti terbesar ini yang menyanggah misi kerajaan untuk melahirkan graduan profesional dalam bidang sains dan teknologi. Pada hari ini saya bangga untuk menyatakan bahawa misi tersebut telahpun dicapai dan UiTM telah berjaya! Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan penghargaan dan ucapan ribuan terima kasih kepada pihak kerajaan di atas segala sokongan yang tidak berbelah bahagi demi menjayakan misi universiti ini. Terima kasih juga kepada para pengurusan universiti sejak mula tertubuhnya Dewan Latehan RIDA hingga ke Universiti Teknologi MARA pada hari ini.

Pada hari ini kita akan melancarkan buku bertajuk "Driving Socio-Economic Development Through Education" yang menjilidkan peranan UiTM dalam mengimbangkan kedudukan sosio-ekonomi antara kaum di Malaysia.

Kita juga akan melancarkan syiling emas kenang-kenangan sempena ulang tahun UiTM ke-50. Pemilikan syiling emas kenang-kenangan ini juga membolehkan para alumni dan masyarakat Malaysia mengabadikan memori ulang tahun UiTM yang ke-50 ini. Perayaan ini hanya sekali seumur hidup. Jadi, ambillah peluang untuk memilikinya.

Semoga UiTM akan terus cemerlang, gemilang dan terbilang, bukan sahaja di tanah air Malaysia malah di persada antarabangsa.

Sekian, wassalam.

**DATO' SERI PROF. DR IBRAHIM ABU SHAH**  
Naib Canselor







## *Secoret Kata*

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam Sejahtera

Menjadi sebuah universiti terbesar dengan menjunjung amanah kerajaan bagi membentuk dan menjana profesional bumiputera bagi mengimbangi kedudukan masyarakat berbilang bangsa di Malaysia bukanlah satu tugas yang mudah. Tetapi, pada hari ini UiTM telah berjaya. Bukti kejayaan selama 50 tahun ini bukan sahaja dalam bidang pendidikan, juga ko-kurikulum dan pengukuhan sahsiah terhadap siswa siswinya.

Kejayaan pada hari ini bukanlah suatu noktah. Ia adalah permulaan kepada suatu perjalanan yang tiada penghujungnya. Justeru itu, saya berterima kasih dan mengucapkan tahniah kepada Y. Bhg Dato' Seri Prof. Dr. Ibrahim Abu Shah, Naib Canselor di atas penerbitan buku *Driving Socio-Economic Development Through Education* yang mengungkap sumbangan UiTM dalam mengimbangi sosio-ekonomi semua kaum di Malaysia. Y. Bhg Dato' Seri telah menggariskan pelbagai polisi dan hala tuju UiTM di dalam buku ini sebagai pengetahuan dan panduan kepada pembaca.

Terima kasih juga kepada Royal Mint Malaysia Sdn Bhd dan Bank Negara Malaysia kerana menghasilkan syiling kenang-kenangan sempena ulang tahun UiTM ke-50 ini.

Semoga UiTM terus berkembang maju.....  
Selamat Menyambut Ulang Tahun ke-50.

Wassalam.

**PROF. MADYA DR. AZIZUL HALIM YAHYA**

**Penolong Naib Canselor**

**Jabatan Komunikasi Korporat & Perhubungan Antarabangsa**

## Aturcara Majlis

- 12.00 tengahari: Ketibaan Tetamu Jemputan / Dif-Dif Kehormat  
: Ketibaan Naib Canselor UiTM  
: Ketibaan Lembaga Pengarah  
: Ketibaan Pro-Canselor
- 12.25 tengahari: Ketibaan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong  
Tuanku Syed Sirajuddin Ibni Al-Marhum Tuanku Syed Putra Jamalullail  
dan Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong Tuanku Fauziah  
Binti Al-Marhum Tengku Abdul Rashid
- 12.30 tengahari: Ucapan Naib Canselor UiTM  
: Pelancaran Buku  
*Driving Socio-Economic Development Through Education*  
dan  
: *Syiling Emas Kenang-Kenangan*  
oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Tuanku Syed  
Sirajuddin Ibni Al-Marhum Tuanku Syed Putra Jamalullail  
: Santapan dimulakan  
: Persembahan Kebudayaan dan Orkestra  
: Keberangkatan balik Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong  
Tuanku Syed Sirajuddin Ibni Al-Marhum Tuanku Syed Putra Jamalullail  
dan Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong Tuanku Fauziah  
Binti Al-Marhum Tengku Abdul Rashid





## UiTM PADA USIA 50 TAHUN

### Penubuhan awal Universiti Teknologi MARA

Sejarah Universiti Teknologi MARA (UiTM) bermula dengan penubuhan Dewan Latehan RIDA pada tahun 1956 yang bermula dengan pengendalian kursus luaran daripada badan antarabangsa seperti London Chamber of Commerce, Australian Chartered Secretaryship, Australian Society of Accountants dan British Institute of Management untuk golongan Melayu dan Bumiputera di Malaysia. Institusi ini berkembang pesat dengan kesedaran kaum Melayu dan bumiputera untuk maju dan keluar dari kepompong kehidupan serba kekurangan.

Kedudukan ekonomi bumiputera pada ketika itu adalah tertumpu kepada aktiviti pertanian yang telah dibentuk oleh kolonial penjajahan British. Orang Melayu dan Bumiputera pada ketika itu hidup umpama 'kais pagi makan pagi dan kais petang makan petang'. Atas kesedaran pemimpin pada waktu itu bahawa orang Melayu dan bumiputera tidak patut selamanya hidup begitu, mengubah keadaan ini. Dewan Latehan RIDA menjadi tempat permulaan pendidikan asas profesional bagi menyediakan golongan Melayu dan Bumiputera ini melangkah lebih jauh.

Dewan Latehan RIDA terletak di Jalan Othman, Petaling Jaya yang kini adalah penempatan bagi Fakulti Sains Kesihatan.

Pada tahun 1965, Maktab MARA ditubuhkan bagi memantapkan usaha-usaha melatih profesional Melayu dan Bumiputera di negara ini. Kursus-kursus yang ditawarkan adalah Diploma Pengurusan Perniagaan yang telah mendapat pengiktirafan daripada Ealing Technical College of London yang juga menjadi pemeriksa luar.





Seterusnya pada tahun 1967, penubuhan Institut Teknologi MARA (ITM) di Shah Alam bagi menggantikan Maktab MARA adalah satu kejayaan yang membanggakan. Perletakan batu asas yang dilakukan oleh Y.A.B Tun Abdul Razak bin Husein pada tanah yang mulanya hanya seluas 100 ekar pada 14 Oktober 1967 merupakan permulaan pencapaian institusi ini yang seterusnya mendapat status universiti pada tahun 1996. Sesungguhnya sumbangan Tun Razak dalam memperjuangkan nasib dan kedudukan orang Melayu dan Bumiputera adalah sangat besar.

Pengisytiharan perubahan nama ITM kepada UiTM oleh Tun Mahathir, mantan Perdana Menteri Malaysia adalah pertukaran nama sahaja. Pengisytiharan ini berlaku pada 26 Ogos 1999.

UiTM berkembang pesat dengan mempunyai 3 kampus satelit, 12 kampus cawangan di seluruh negara, 8 kampus kota dan 19 kolej francals. Misi penubuhannya tidak pernah berubah hingga kini, iaitu menjana bumiputera profesional yang memenuhi keperluan pasaran. Justeru, graduan keluaran UiTM adalah penyumbang kepada pembangunan penduduk setempat dan meningkatkan kualiti kehidupan keluarga dan masyarakat Malaysia.

Sebuah kampus pintar sedang dalam pembinaan di Puncak Alam. Ia mengandungi keadaan kehidupan kampus yang moden dengan kondisi kelengkapan terkini serba canggih.

## Pencapaian UiTM

Dalam 50 tahun usia UiTM, banyak kejayaan telah dicapai di peringkat nasional dan antarabangsa dalam pelbagai bidang yang merangkumi bidang pendidikan dan ko-kurikulum.

UiTM telah meluaskan bidang pengajiannya secara menyeluruh. Terdapat 264 program ditawarkan di dalam 25 fakulti yang meliputi bidang-bidang seperti hotel dan pelancongan, perakaunan, komunikasi dan pengajian media, perubatan, senibina, pengurusan pejabat dan musik. Enrolmen pelajar UiTM kini kira-kira 100,000 orang.

UiTM mempunyai banyak jaringan antarabangsa dengan universiti-universiti dan badan profesional. Di antaranya ialah Association of Chartered Certified Accountants (ACCA), UK, Chartered Institute of Transport (CIT), UK, Institute of Chartered Secretaries and Administrators (ICSA), UK, Institute of Electrical Engineers (IEE), UK, Institute of Marketing, UK, Institute of Administrative Management, UK, Chartered Institute of Building (CIOB), UK, dan lain-lain lagi. Malahan, hubungan dengan Ealing Technical College dan Ohio University telah bermula sejak tahun 60-an lagi.






Seramai 4,899 orang tenaga pengajar di UiTM memberi pendidikan khusus untuk program-program 'niche' seperti senibina, bioteknologi, seni lukis senireka, undang-undang, perakaunan, pengurusan perniagaan, komunikasi, pengurusan hotel, kejuruteraan dan lain-lain. Galakan penyelidikan yang ditekankan oleh kerajaan terhadap institusi pengajian tinggi juga menyebabkan tumbuhnya pusat-pusat kecemerlangan yang berfungsi untuk mendapatkan penemuan-penemuan baru dengan cara penyelidikan dan pemikiran kritis. Contohnya adalah Pusat Pengajian ASEAN, Pusat Penyelidikan Laporan Kewangan, Institut Sains, Institut Bioteknologi, Institut Kewartawanan, Pusat Perundingan dan Pengujian Halal-Haram, Pusat Teknologi Mikrowave dan lain-lain lagi.

Pada tahun 2004, UiTM telah dianugerahkan sijil ISO 9001:2000 dalam bidang pengajaran dan pembelajaran serta pengurusan korporat daripada badan akreditasi antarabangsa, Lloyds Register Quality Assurance. Ini bertujuan untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan UiTM agar sentiasa menjadi yang terbaik dan menepati 'standard' yang ditetapkan.

Pelbagai kejayaan cemerlang dicatatkan dalam bidang ko-kurikulum. Di antaranya ialah pendakian ke Gunung Everest oleh dua orang pelajar lelaki dan keberanian seorang pensyarah wanita menyeberangi Antartika. Selain daripada itu, kumpulan pelajar UiTM juga telah berjaya menandingi kumpulan-kumpulan universiti seluruh dunia dalam 'Student in Free Enterprise' (SIFE).

Kejayaan demi kejayaan yang diraih oleh para pelajar UiTM membuktikan institusi ini berjaya melahirkan personaliti terbilang. Antara pelajar yang telah mengharumkan nama universiti dengan kejayaan di peringkat antarabangsa ialah Adeeba Shareen Sheikh Abdul Rashid Al-Ayubi, penerima anugerah Pemidato Terbaik dalam Pertandingan Perbahasan Inter-Varsity Asia 2006 manakala Danial Amir dan Iqbal Hafiedz Ahmad Bazari menempa kejayaan dalam pertandingan "The 12<sup>th</sup> All-Asian Debating Championship" dan telah dinobatkan antara 10 pendebat terbaik di Asia. Selain itu, kejayaan pasukan UiTM turut menjulang kebanggaan kepada universiti setelah muncul Juara Piala Debat di-Raja 2005 dan pasukan 'Moot' turut tampil Juara dalam Pertandingan 'Moot' Kebangsaan (Bahasa Inggeris) dalam tahun yang sama. Pada tahun ini juga pasukan ini telah mengharumkan nama UiTM setelah berjaya memenangi anugerah 'Best Mooter' di Hong Kong.





## Wawasan UiTM

Tidak cukup dengan pencapaiannya selama ini, universiti ini mempunyai cita-cita tinggi untuk menjadi sebuah universiti bertaraf dunia pada tahun 2020 melalui fasa-fasa berikut:

- 2007 : Governan baru UiTM
- 2010 : Universiti Penyelidikan
- 2015 : Imbangan Kuantiti-Kualiti
- 2020 : Universiti Bertaraf Dunia dalam semua bidang

Universiti memfokuskan kepada kecemerlangan akademik, inovatif, hala tuju kerajaan dan keadaan pasaran, akreditasi seluruh dunia, globalisasi dan teknologi baru bagi menyumbang kepada industri dan pembangunan nasional.

## Sambutan Ulang Tahun UiTM ke-50.

Sepanjang tahun 2006 ini, pelbagai acara menarik seperti konferensi, seminar, aktiviti kesukanan dan ko-kurikulum di peringkat antarabangsa telah diadakan bagi memperhebatkan sambutan Jubli Emas UiTM. Ia melibatkan pelbagai pihak di dalam UiTM termasuk fakulti, kampus cawangan, pusat-pusat akademik dan pusat kecemerlangan. Antaranya ialah Persidangan Dunia 'International Society for Music Education' (ISME), Persidangan dan Expo 'International Federation of Training and Development Organisation' (IFTDO), Pesta Sukan Antarabangsa dan lebih kurang 60 acara yang lain.



Kemuncak kepada perayaan ini adalah acara penuh gemilang bermula 9 November 2006. Pada tarikh tersebut, bertempat di Sunway Lagoon Hotel & Resorts, Bandar Sunway, UiTM akan mengadakan Majlis Makan Malam Ulang Tahun UiTM ke-50 yang mengumpulkan alumni-alumni UiTM dari semua generasi. Majlis ini akan dimeriahkan dengan kehadiran SPB Yang di-Pertuan Agong dan SPB Raja Permaisuri Agong serta turut dihadiri oleh para alumni. Pada majlis ini, Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang juga Canselor UiTM akan melancarkan aspirasi global UiTM sebagai Universiti Bertaraf Dunia pada tahun 2020. Pada malam ini juga satu anugerah khas akan diberikan kepada Allahyarham Tun Abdul Razak Bin Hussein sebagai Tokoh Pembela Bangsa di atas jasa beliau memartabatkan kedudukan bangsa Melayu dan Bumiputera.

Keesokan harinya pula, perasmian Karnival 50 Tahun UiTM turut diadakan bertempat di Stadium UiTM. Majlis ini akan mengumpulkan mereka yang terlibat dalam menjayakan inspirasi dan hasrat UiTM sejak penubuhannya sehinggalah meniti ke zaman kegemilangannya. UiTM dan warganya amat berterima kasih dan menghargai segala sumbangan yang diberikan. Karnival ini berkonsepkan 'Jom Heboh' dan berlangsung dari 3 hingga 12 November 2006 bertempat di Padang Kawad dan Stadium UiTM Shah Alam.

Karnival ini sudah pastinya meriah dengan pelbagai aktiviti pameran, gerai-gerai jualan barangan dan 'fun-fair' yang disajikan untuk para pengunjung. Para pengunjung boleh mendapat info mengenai produk-produk baru dan terkini disamping menikmati potongan harga dan hadiah-hadiah cabutan bertuah. Bagi kanak-kanak pula, bermacam-macam acara permainan ala 'fun-fair' turut disajikan. Tidak ketinggalan juga permainan-permainan seperti perlawanan 'paint ball' dan acara memanah untuk pengunjung dewasa.

Usaha ini diharap dapat mengumpulkan alumni dari semua generasi, siswa siswi UiTM, majikan-majikan dan orang awam. Aktiviti ini juga diharap dapat menarik minat pelajar, bakal pelajar, majikan, industri dan orang awam untuk mengikuti perjalanan sejarah dan perkembangan UiTM dan sama-sama meraikan sambutan ini. Ia juga diharap dapat menjadi satu wadah bagi merapatkan hubungan antara pengurusan, kakitangan, siswa siswi dan alumni UiTM supaya hubungan ini sentiasa berkekalan. Walaupun telah meninggalkan bumi UiTM ini, namun inilah masa dan ketikanya untuk kembali melihat sendiri perubahan akibat peredaran zaman ibarat 'sirih pulang ke gagang.'




## Driving Socio-Economic Development Through Education

This book is essentially an intellectual discourse on UiTM's impact upon the nation's socio-economic development over the last few decades. Starting from the premise that UiTM's history is inextricably bound with that of the nation and the Bumiputeras, the book explores the early years of UiTM from its establishment as Dewan Latihan RIDA in 1956 to the present moment 50 years later.

Chapter 2 is an analysis of Malaysia's socio-economic success over the past few decades, which is the result of the prudence and wisdom of our nation's leaders and planners. Chapter 3 deliberates on the key parameters of socio-economic development, while chapters 4 to 6 develop the theme of UiTM's socio-economic contributions through education further via a logical and well-documented approach, allowing readers to follow the thread of the argument with clarity. Evidence in the form of facts and figures are used liberally to complement the text wherever possible. The book ends with the declaration by Seri Paduka Baginda Tuanku Syed Sirajuddin Ibni Almarhum Tuanku Jamalullail on the launching of UiTM's global aspiration to be a world-class university by 2020.

Overall, the book is written in a clear, lucid style with highly artistic visual imagery to captivate the hearts and minds of readers.





# Syiling Kenang-Kenangan



Syiling Emas

Syiling Perak

## Rasional Syiling Kenang-Kenangan Sempena Ulang Tahun UiTM ke-50

- Syiling ini dihasilkan sempena meraikan perayaan ulang tahun UiTM ke-50
- Ianya direka dengan menggabungkan beberapa imej atau elemen yang berkaitan dengan UiTM sebagai sebuah universiti yang terunggul di Malaysia yang memperjuangkan kedudukan orang Melayu Bumiputera.
- Ianya mempunyai dua permukaan iaitu 'reverse' dan 'obverse'.
- Nama Universiti Teknologi MARA ditulis dalam Jawi yang melambangkan kedaulatan dan kedudukan bangsa Melayu.
- Digabungkan logo ulang tahun UiTM ke-50 bagi mencerminkan sambutan yang begitu berprestij bagi UiTM sebagai sebuah universiti yang terulung di Malaysia.
- Dimasukkan juga imej bangunan menara berkembar (S&T) yang mencerminkan penekanan pihak universiti terhadap sains dan teknologi.
- Terdapat dalam dua versi, iaitu emas (GOLD) yang bernilai RM100 dan perak (SILVER) yang bernilai RM10 dan RM50.

Idea & konsep rekabentuk :

Prof. Madya Dr Azizul Halim Yahya

Rekagrafik :

Ghazali Daimin

# Senarai Ahli Jawatankuasa

- Penaung : Dato' Seri Prof. Dr. Ibrahim Abu Shah  
Naib Canselor
- Pengerusi : Prof. Madya Dr. Azizul Halim Yahya  
Penolong Naib Canselor  
Jabatan Komunikasi Korporat dan Perhubungan Antarabangsa
- Setiausaha : Bosirah Daud
- Jawatankuasa Buku Program & Publisiti : - Rizadora Muhamad Arsad  
- Darus Kasim  
- Ghazali Daimin  
- Aizan Ainul Sarah Alwi  
- Hazizi Jantan  
- Nurul Afifa Mat Salleh  
- Syarifah Nur Husnaa Syed Mohamad
- Jawatankuasa Gerakcara, Protokol & Jemputan : - Bosirah Daud  
- Hazizi Jantan
- Jawatankuasa Simbolik Perasmian : - Wan Admiza Wan Hassan  
- Siti Salbiah Othman  
- Zaidi Farid Fauzi
- Jawatankuasa Persiapan/Santapan : - Azlan Supardi
- Jawatankuasa Persembahan : - Prof. Dr. Hatta Azad Khan  
- Prof. Madya Dr. Shahanum Md Shah  
- Fakulti Teknologi Kreatif & Artistik  
- Fakulti Muzik



# Senarai Ahli Jawatankuasa

- Jawatankuasa  
Liaison & Penyambut Tetamu : - Zaemah Sukaimi
- Jawatankuasa Keselamatan : - Lt. Kol (B) Mohd Razali Shamsudin
- Jawatankuasa Pengaraca Majlis : - En. Shahrudin Sulaiman
- Jawatankuasa Pameran &  
Jualan Syiling : - Zaharol Fathillah Zakaria  
- Hazizi Jantan  
- Azizah Manap  
- Noorasmawati Amsari  
- Azlina Zubir  
- Rohaida Abdul Ghani  
- Nur Idune Hayana Che Muhd  
- Ahmad Kamil Shaari
- Jawatankuasa Teks Ucapan : - Prof Dr. Muhd Kamil Ibrahim
- Jawatankuasa Logistik / Teknikal / Persiapan Pentas : - Abdul Halim Mohamad
- Jawatankuasa Kenderaan : - Mohamad Nizam Noordin



## ❖ Penghargaan

---

- Y. Bhg. Tan Sri Dr. Zeti Akhtar Aziz  
Gabenor Bank Negara Malaysia
- Bank Negara Malaysia
- Royal Mint Malaysia Sdn. Bhd.



[www.uitm.edu.my](http://www.uitm.edu.my)



ISO 9001 : 2000 No. Sijil : 404089

*Konsep & Rekabentuk Grafik oleh:*

Jabatan Komunikasi Korporat & Perhubungan Antarabangsa  
Aras 2, Bangunan Canseleri  
Universiti Teknologi MARA  
40450 Shah Alam, MALAYSIA  
Tel.: +603 - 5544 2102 Faks : +603 - 5544 2086